

DUA BERANAK RENTUNG

Alor Gajah

Bapa bersama anak lima tahun maut terperangkap dalam kebakaran

Dua beranak maut terperangkap apabila rumah dihuni di Kampung Cherana Putih, di sini, musnah dijilat api awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan Arshad Abu berkata, dalam kebakaran jam 2 pagi itu, mayat mangsa, Allahudin Abd Hamid, 51, ditemukan dalam bilik air

manakala mayat anak lelakinya Mohamad Badrul Allahudin, lima tahun, dijumpai di bilik utama kediaman satu tingkat separa batu dan papan itu.

“Hasil pemeriksaan awal, kedua-dua mangsa terbakar pada seluruh badan dan mayat mereka dihantar ke Unit Forensik

Hospital Alor Gajah untuk bedah siasat.

“Punca kematian masih dalam siasatan dan setakat ini kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut,” katanya, semalam.

Mengulas lanjut hasil temubual saudara mangsa, beliau memberitahu dua beranak itu tinggal bersama manakala isterinya tinggal berasingan.

Sementara itu, tinjauan di lokasi kebakaran mendapati siasatan dijalankan bersama Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dan Unit Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri berserta Unit anjing pengesanan K9.

Jurucakap JBP negeri memaklumkan pihaknya masih menunggu laporan forensik bagi menentukan punca kebakaran.

“Kami sudah mengambil beberapa sampel bahan terbakar yang dikesan oleh anjing pengesanan untuk dianalisa,” katanya.

Kedua-dua mangsa terbakar pada seluruh badan

Melaka: “Din (Allahudin Abd Hamid) dah tiada!” luah Siti Zainon Abdullah, 85, yang sebak mengenangkan anak dan cucunya, Mohamad Badrul Allahudin, lima tahun, yang rentung dalam kebakaran rumah di Kampung Cherana Putih, di sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 pagi semalam, dia terjaga dari tidur selepas terasa bahang api dan mendengar bunyi letupan kecil akibat kebakaran.

Dia kemudian melihat cahaya terang dan mendapati kediaman anak lela-

Nampak rumah anak dijilat api

kinya, Allahudin Abd Hamid, 51, yang berada bersebelahan kediamannya sedang marak terbakar.

Siti Zainon kemudian segera meminta pertolongan jiran di sebelah rumah yang bertindak menghubungi talian kecemasan.

Terdahulu, dia yang sebak ketika mengingati kejadian itu, terpaksa dite-

ngankan dan dibantu anak perempuan sulungnya, Seti Zaleha, 68.

Dalam kejadian itu, mayat Allahudin ditemukan dalam bilik air manakala anak lelakinya, Mohamad Badrul di bilik tidur hadapan.

Jiran mangsa, Ashak Ujang, 75, yang juga penjaja berkata, dia tersedar dari tidur apabila mende-

ngar ketukan kuat di pintu rumah.

“Sebaik buka pintu saya melihat dia (Siti Zainon) cemas dan tidak berhenti menyebut api! api! sambil menunjuk ke arah rumahnya.

“Api menjulang tinggi waktu itu tapi saya tidak dengar apa-apa jeritan meminta tolong dari dalam rumah yang separuh terbakar itu,” katanaya.

Menurut Ashak, dia segera memapah Siti Zainon ke hadapan rumah yang

terbakar selepas warga emas itu berkeras mahu melihat lokasi itu.

“Dia seperti dapat merasakan anaknya sudah meninggal dunia apabila

berulang kali mendengar perkataan ‘Din sudah tiada,’ katanya.

Ashak berkata, dia sempat bertemu Allahudin pe-

tang kelmarin di bengkel kimpalan di hadapan rumah arwah.

“Saya lihat dia gembira bermain bola dengan anaknya itu di halaman dan kami memang selalu berjumpa. Saya difahamkan dia baru berhenti kerja kerana tiada orang hendak menjaga anaknya.

“Mulanya arwah bercajangan untuk bercuti sementara untuk mencari pengasuh baru. Namun dia kemudian nekad berhenti kerja untuk menjaga anak bongsunya itu,” katanya.

“**Dia seperti dapat merasakan anaknya sudah meninggal dunia**”
Ashak

ANGGOTA bomba berusaha memadam kebakaran sebuah rumah yang dijilat api yang turut mengorbankan dua beranak.



MAYAT Allahudin ditemukan dalam bilik air.